AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : GENERAL NEWS

Eksklusif

SELEWENG MAKLUMAT TENDER E-PEROLEHAN

SPRM SIASAT PENGARAH, DOKTOR

// PENGARAH KEMENTERIAN KESIHATAN DISIASAT DEDAH MAKLUMAT
kepada syarikat anaknya, doktor pula beri maklumat kepada syarikat sahabat

// SPRM LANCAR OPS KONTRAK EKSPRES SEJAK BULAN LALU SIASAT
kes orang dalam agensi kerajaan yang menyeleweng maklumat e-perolehan

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 (SAMBUNGAN)
RUANGAN : GENERAL NEWS

SPRM siasat 2 pegawai kanan

» Pengarah dari Kementerian Kesihatan, doktor disyaki dedah maklumat tender

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat dua pegawai kanan Kementerian Kesihatan, termasuk seorang pengarah kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan e-perolehan sejak tahun lalu.

Pengarah berusia 50-an itu disiasat kerana dipercayai mendedahkan maklumat tender dan bajet jabatan kepada sebuah syarikat aplikasi web kesihatan dimiliki anaknya.

Seorang lagi adalah doktor unit penyelidikan yang dipercayai mendedahkan maklumat tender kepada syarikat berkaitan penyelidikan perubatan milik sahabatnya sehingga berjaya memperoleh kontrak ratusan ribu ringgit membabitkan beberapa kontrak.

Penyelewengan mereka dikesan menerusi 'Ops Kontrak Ekspres' yang dilancarkan SPRM awal bulan lalu.

Dalam satu kes lain yang turut disiasat dalam operasi itu, seorang pengurus besar pertubuhan perladangan di bawah Kementerian Pertanian didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana menyalah guna kuasa dan kedudukannya memberi projek pembekalan lembu kepada syarikat yang dimiliki isterinya, bernilai lebih RM100,000, tahun lalu.

Dedah maklumat pembekalan

Sumber SPRM berkata, pengarah itu dipercayai mendedahkan semua maklumat pembekalan kepada syarikat anaknya sehingga dia berjaya memperoleh nilai kontrak puluhan ribu ringgit.

"Hasil perolehan kontrak itu, pengarah terbabit dipercayai menerima habuan dalam perjanjian rahsia antara kedua-dua pihak.

"Dalam kes kedua, seorang doktor wanita berusia 47 tahun pula bersekongkol dengan seorang ahli perniagaan wanita yang juga sahabatnya untuk mendapat kontrak penyelidikan perubatan sepanjang tahun lalu," katanya kepada *BH*.

Sumber itu berkata, kesan perbuatan mereka, semua syarikat pembekal dan kontraktor lain dinafikan hak, dan peluang untuk mendapat kontrak walaupun layak.

"Menerusi Ops Kontrak Ekspres ini, SPRM sedang menyiasat beberapa kes membabitkan orang dalam agensi kerajaan yang bertindak sebagai orang tengah bagi mengawal dan menentukan penganugerahan kontrak membabitkan e-perolehan.

"Kegiatan itu didalangi orang dalam jabatan yang mempunyai akses kepada senarai syarikat pembekal, mengetahui kedudukan bajet dan tahu harga kontrak sebenar.

Untung ratusan ribu ringgit

"Dengan menggunakan maklumat ini, pegawai kerajaan terbabit mendedahkan kepada syarikat pilihan dengan menawarkan keuntungan bersama sehingga mencecah ratusan ribu ringgit jika kontrak berjaya diperoleh," katanya.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Jamidan Abdullah, yang dihubungi *BH*, mengesahkan pihaknya sudah memulakan siasatan membabitkan kegiatan kontrak ekspres di beberapa agensi kerajaan.

Katanya, isu ini amat serius dan berulang setiap tahun, jadi SPRM sedang mengambil langkah pencegahan terbaik supaya perbuatan sedemikian dapat dihentikan.

"Sejak operasi dimulakan bulan lalu, kami sudah mendakwa seorang pengurus besar agensi kerajaan di Pahang dan dua pegawai kanan Kementerian Kesihatan sedang disiasat dijangka akan didakwa dalam tempoh terdekat," katanya.

INFO

Modus Operandi Kegiatan Kontrak Ekspres

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : GENERAL NEWS

Kes denggi terus meningkat sehingga Aidilfitri

Putrajaya: Kementerian Kesihatan menjangkakan peningkatan kes denggi berterusan sehingga akhir Ramadan dan sepanjang Aidilfitri ini, berdasarkan pola kitaran tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata 77 peratus daripada habitat aedes merangkumi dua lokasi, termasuk 55 peratus di kawasan perumahan dan selebihnya di tanah terbiar.

"Sebelum balik kampung sempena cuti Aidilfitri ini, orang ramai disaran melaksanakan kerja pembersihan, memastikan bekas berpotensi menakung air dan jadi tempat pembiakan aedes dibersihkan. Takungan kekal seperti tangki atau kolah, boleh dimasukkan ubat pembunuh jentik-jentik yang boleh didapati di farmasi.

"Isi rumah dinasihat menyembur racun serangga terutama di kawasan gelap seperti di sebalik langsir, meja dan tempat tersembunyi, antara jam 5 hingga 7 pagi serta jam 5 hingga 7 petang," katanya di sini, semalam.

Meningkat 34 peratus

Katanya, sepanjang enam bulan pertama tahun ini sehingga 27 Jun lalu, 56,533 kes demam denggi dilaporkan, meningkat 34 peratus daripada 42,229 kes bagi tempoh sama tahun lalu, manakala kematian akibat denggi sebanyak 162 kes atau peningkatan 97.6 peratus berbanding 82 kes bagi tempoh sama, tahun lalu.

"Lokaliti titik panas minggu ke-25 tahun ini juga meningkat kepada 975 berbanding 862 lokasi minggu lalu," katanya sambil meminta doktor lebih mengambil lebih perhatian andai pesakit yang demam tanpa sebab kukuh kerana ia mungkin denggi.

Secara keseluruhan, kes denggi meningkat di 10 negeri pada minggu ke-25, iaitu di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Putrajaya, Pahang, Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : GENERAL NEWS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus

Ibu kepada pesakit leukemia, Norhayati Jamaah, 43, merayu orang ramai tampil sebagai penderma sel stem bagi menyelamat nyawa anaknya, Nur Ayesha Dayana, 10, yang menghidap Acute Myeloid Leukemia (AML).

Menurut Nurhayati, anaknya yang mesra dengan panggilan Ayesha dikesan menghidap AML pada Julai 2013.

Selepas menjalani empat rawatan kemoterapi, Ayesha disahkan bebas dari kanser itu kira kira lima bulan kemudian.

Namun, panas yang diharapkan hingga ke petang tidak berpanjangan apabila penyakit berkenaan kembali menyerang Ayesha pada Disember lalu dan kali ini keadaannya lebih teruk.

Katanya, Ayesha kini menjalani rawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan memerlukan rawatan pemindahan sel stem bagi meneruskan kehidupan.

"Sebelum ini ada penderma sel stem yang sesuai ditemui, tetapi individu itu terpaksa menarik diri dari meneruskan sesi ujian seterusnya kerana mempunyai komitmen lain.

"Memandangkan tahap kesihatan Ayesha tidak menunjukkan perubahan, kami perlu mencari penderma sel stem secepat mungkin," katanya ketika ditemui di Rumah Mc Donald, PPUKM, semalam.

Kakitangan kilang elektronik itu berkata, dia kini mengambil cuti tanpa gaji enam bulan untuk menjaga anaknya memandangkan suaminya terpaksa bekerja dan menjaga dua lagi anak mereka di Muar, Johor.

Katanya, orang ramai yang ingin menderma perlu tampil mendaftar diri sebagai penderma sel stem di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di Jalan Pahang, Kuala Lumpur untuk menjalani ujian HLA (Human Leukolyte Antigens).

"HLA akan menentukan sama ada seseorang itu sesuai atau tidak untuk menjadi penderma kepada Ayesha.

"Bagaimanapun, jika HLA yang didermakan tidak se-

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1 (SAMBUNGAN)
RUANGAN : GENERAL NEWS

suai untuk anak saya ia mungkin berguna untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak lain," katanya.

Menurut Norhayati, jika gagal menemui penderma sel stem yang sesuai, dia dan suami, Mohd Zain Basar, 43, terpaksa melakukan pemindahan sel stem yang diambil dari darah mereka, tetapi kosnya mahal iaitu dianggarkan RM350,000 hingga RM500,000.

Jelasnya, jika diikutkan hati, memang dia dan suami mahu menjadi penderma, tetapi mereka tidak sesuai dan begitu juga dengan anak sulung berusia 14 tahun.

"Penduduk negara ini ramai dan mungkin ada yang sesuai menjadi penderma sel stem kepada Ayesha.

"Kami sekeluarga berharap ada pihak sudi membantu, sekali gus menyelamatkan nyawa anak bongsu kesayangan yang kini bertarung nyawa melawan penyakit leukemia.

"Jika mempunyai pertanyaan, boleh hubungi IMR (0326162666) atau 0193355592," katanya.



NUR Ayesha memerlukan penderma sel stem dengan segera.

> "Memandangkan tahap kesihatan Ayesha tidak menunjukkan perubahan, kami perlu mencari penderma sel stem secepat mungkin"
> *Norhayati Jamaah*

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : GENERAL NEWS

INSPIRASI JAYA 2 rakan karib

Miliki cita-cita sama dalam perniagaan, begitu juga cita rasa fesyen dan kenderaan serta saling menyokong dalam kejayaan masing-masing

Oleh Siti Zarinah Sahib

Keakraban mereka jelas kelihatan. Mereka bukan saja mempunyai impian dan cita-cita yang sama dalam perniagaan tetapi juga pada cita rasa penggayaan. Kedua-duanya memakai kasut jenama sama, begitu juga beg tangan yang dibeli bersama.

Malah pemilihan kenderaan turut mempengaruhi antara satu sama lain apabila kedua-duanya memilih Volkswagen Beetle dan Range Rover sebagai kenderaan harian.

Menjelaskan perkara itu, pengasas Amyera Beauty Fatin Amyera Zainal Abidin dan pengasas Perla Coffee, Yusmalisa Shazrenda masing-masing bersetuju pemilihan rakan baik sangat penting bagi memastikan kejayaan dalam perniagaan.

Ini kerana memiliki sahabat karib yang sama-sama berniaga membuatkan semangat untuk berjaya bertambah kuat. Apatah lagi sekiranya masing-masing mempunyai minat dan hobi yang sama sekali gus memudahkan kedua-duanya melakar impian untuk mencapai kejayaan.

"Saya dan Yusmalisa mula mengenali satu sama lain ketika mengandungkan anak pertama. Sejak itu, kami memang akrab. Perkenalan juga atas urusan perniagaan lantaran kami sama-sama berasal dari Kelantan jadi banyak cerita boleh dikongsi bersama. Sejak itu kami selalu berhubung menerusi aplikasi WhatsApp dan mengikuti perkembangan menerusi Facebook dan Instagram," kata Amyera memulakan bicara.

Memulakan perniagaan dengan menjual produk kecantikan menerusi Instagram kepada rakan terdekat, lama-kelamaan produk jenama Amyera Beauty mula dikenali ramai. Disebabkan keberkesanannya, dalam masa setahun Amyera mampu mengumpul sejumlah wang simpanan sehingga mencecah ratusan ribu ringgit dan berjaya melangsaikan hutangnya.

"Saya terkejut kerana tidak sangka perniagaan yang pada mulanya hanya sekadar ingin membantu suami dan membeli baju dan beg tangan, melebihi apa yang saya jangkakan. Ketika itu saya menetap di Sabah, kemudian saya ambil keputusan pulang ke Kuala Lumpur disebabkan pertambahan ejen yang ramai membuatkan saya terpaksa memberikan perhatian sepenuhnya kepada mereka," katanya.

Jelas Amyera, mulanya dia langsung tidak menyangka produk krim siang dan malam memberikan kesan positif kepada pengguna. Oleh kerana bermula dengan kecil-kecilan, dia memberikan produk kepada rakan terdekat untuk dicuba. Selepas menampakkan hasil, ramai memberikan komen di Instagram. Mungkin kerana produk ini tidak mengandungi bahan terlarang, ia menjadi pilihan ramai. Kulit tidak mengelupas sebaliknya lama-kelamaan menjadi lebih cerah dan licin.

Bagi Yusmalisa pula, kejayaan Amyera yang sering memuat naik gambar di laman Instagram benar-benar memberikan inspirasi kepada dirinya. Dia yang mengamalkan pengambilan serbuk mutiara untuk kecantikan kulit mula memikirkan untuk menghasilkan kopi dengan campuran serbuk mutiara ini.

"Sebelum dipasarkan, saya mencuba terlebih dulu untuk melihat hasilnya. Saya juga memberikannya percuma kepada keluarga dan saudara-mara. Alhamdulillah selepas sebulan, ramai memberikan maklum balas positif kulit menjadi lebih cerah dan menawan manakala badan lebih segar," katanya.

Melihat pengalaman Amyera, ia memberikan inspirasi kepada Yusmalisa untuk meluaskan perniagaannya dengan memasarkan produk ini menerusi Instagram. Dia juga mendapatkan ilmu mengenai teknik pemasaran berkesan dan Amyera langsung tidak lokek berkongsi ilmu.

"Saya sangat bersyukur kerana mempunyai rakan seperti Amyera yang sangat pemurah dan tidak lokek mengajar saya mengenai perniagaan. Kami pula saling memberikan sokongan antara satu sama lain. Biasanya WhatsApp menjadi teman paling setia. Apa saja yang dilakukan kami kongsi bersama. Selepas itu kami merancang produk yang boleh dikeluarkan pada masa depan dan perancangan selepas itu.

"Oleh kerana terlalu teruja serta rasa semangat yang sentiasa didorong antara satu sama lain menyebabkan saya berani mengeluarkan produk kecantikan jenama sendiri," ujar Yusmalisa.

Jelas Amyera, dia memang tidak mempunyai rakan akrab, jika ada hanya untuk urusan perniagaan. Tetapi persahabatan yang terjalin dengan Yusmalisa sangat berbeza kerana ia berteraskan keikhlasan dan kejujuran.

"Kami boleh bercakap apa saja, jika tidak suka kami berterus terang demi kebaikan bersama. Langsung tidak simpan rasa iri hati atau dendam. Apa yang kami

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16 (SAMBUNGAN)
RUANGAN : GENERAL NEWS

lakukan adalah saling lengkap melengkapi. Sekiranya saya sedang tertekan, Yusmalisa memberikan nasihat begitu juga saya sekiranya dia menghadapi masalah saya menjadi pakar rujuknya.

"Lama-kelamaan ia bukan saja dalam hab perniagaan tetapi urusan hidup. Tambahan pula saya sudah mengenali keluarga Yusmalisa begitu juga dengan keluarga saya. Suami kami juga berkawan baik, begitu juga dengan anak yang cuma berbeza usia tiga hari saja," kata Amyera.

Jelas kedua-dua wanita jelita ini, hasil daripada perniagaan mereka mampu memiliki rumah di Kelantan dan Bandar Baru Bangi bernilai RM1.2 juta, begitu juga dengan Yusmalisa yang sudah memiliki dua rumah dan dua kereta.

Jelasnya, memang tiada perancangan untuk membeli kenderaan yang sama, tetapi ketika sesi perbincangan dan menyatakan impian dan cita-cita akhirnya kedua-dua memilih jenama kenderaan yang sama disebabkan rekaan serta memudahkan pergerakan untuk berulang-alik antara Kelantan dan Kuala Lumpur.

Bukan saja kenderaan tetapi dalam banyak perkara sememangnya Amyera dan Yusmalisa mempunyai banyak persamaan. Bagi mereka, kejayaan bukanlah disebabkan usaha gigih semata-mata tetapi juga faktor persekitaran seperti keluarga dan rakan. Memang penting memiliki rakan yang mempunyai matlamat dan impian yang sama serta sentiasa berfikiran positif.

"Walaupun ada masa jatuh dan bangun, rakan yang baik akan sentiasa memberikan dorongan antara satu sama lain. Dalam fikiran kami langsung tiada rasa cemburu atau ingin menjatuhkan satu sama lain, sebaliknya saling bantu-membantu agar kami sama-sama mencapai impian dalam hidup," kata Yusmalisa.

Amyera pula tidak pernah menyangka akan mengecap kejayaan sebagai usahawan. Tetapi disebabkan keinginan merubah kehidupan terlalu kuat, dia mengambil langkah drastik untuk memulakan perniagaan sendiri.

Baginya, apa juga dilakukan pasti ada cabarannya begitu juga dengan penghasilan jenama Amyera Beauty yang suatu ketika dulu dikatakan tidak mendapat pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia, namun dia membuktikan sememangnya produk ini berkualiti menerusi maklum balas positif pengguna dan sekarang Amyera Beauty sudah mempunyai rangkaian ejen terbesar di Malaysia.

> *"Saya sangat bersyukur kerana mempunyai rakan seperti Amyera yang sangat pemurah dan tidak lokek mengajar saya mengenai perniagaan"*
>
> YUSMALISA

AMYERA dan Yusmalisa sentiasa berkongsi pendapat demi memajukan perniagaan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : GENERAL NEWS

Korban denggi mencanak

■ Jumlah kes, kematian enam bulan pertama catat peningkatan

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my
Putrajaya

Negara terus dibelenggu krisis denggi yang serius apabila jumlah kes dan kematian yang direkodkan menunjukkan peningkatan ketara bagi enam bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, setakat 27 Jun lalu, 56,533 kes denggi dilaporkan iaitu peningkatan 34 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah kematian akibat denggi pula meningkat dua kali ganda kepada 162 kematian setakat 27 Jun lalu berbanding 82 kematian direkodkan bagi tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan jumlah kes dan kematian itu didorong oleh pertambahan jumlah tempat pembiakan dengan 55 peratus daripadanya dikesan di dalam dan halaman rumah, manakala 22 peratus pula dikesan di tanah kosong dan terbiar.

"Sekiranya kita mahu menurunkan jumlah kes dan kematian, dua lokasi berkenaan perlu diberi perhatian terlebih dahulu kerana ia mewakili 77 peratus daripada lokasi pembiakan nyamuk," katanya.

Menurutnya, semua pihak perlu memberi tumpuan kepada dua lokasi pembiakan berkenaan kerana ia sudah cukup untuk memerangi denggi secara keseluruhannya.

Dr Subramaniam meminta kerjasama semua pihak termasuk orang ramai supaya lebih peka dan mempunyai kesedaran dalam mengenal pasti lokasi pembiakan nyamuk di kawasan rumah masing-masing.

Dalam pada itu, Dr Subramaniam berkata, sebanyak 2,710 kes demam denggi dilaporkan bagi minggu ke-25 iaitu dari tempoh antara 21 hingga 27 Jun lalu meningkat sebanyak 15.4 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Katanya, statistik sama menunjukkan sebanyak 10 negeri menunjukkan peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Putrajaya, Pahang, Melaka, Terengganu, Sabah dan di Sarawak.

"Bagi tempoh sama, jumlah lokaliti wabak dan hotspot turut meningkat dengan 862 lokaliti wabak dikesan pada minggu ke-24 dan meningkat kepada 975 lokaliti wabak pada minggu ke-25.

"Daripada jumlah itu, 144 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 135 hotspot pada minggu sebelumnya. Hotspots berkenaan membabitkan 121 lokaliti di Selangor, Perak (12), Pulau Pinang (lima) dan masing-masing satu lokaliti di Johor dan Melaka," katanya.

Menjelang musim perayaan yang bakal menjelma, beliau menyarankan kepada orang ramai yang akan pulang ke kampung supaya melaksanakan beberapa perkara yang boleh mencegah penularan wabak ini.

Ia termasuk memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi menjadi pembiakan aedes di kawasan rumah dan persekitarannya, memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate) bagi takungan air besar dan kekal.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 38 (SAMBUNGAN)
RUANGAN : GENERAL NEWS

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2015

Negeri	Bilangan kes dan kematian dilaporkan		Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2014
	MINGGU 25 (21-27 Jun 2015)	MINGGU 24 (14-20 Jun 2015)		
Perlis	6	7	129 (1)	91
Kedah	17 (1)	18	467 (5)	504 (4)
P Pinang	104	117	2,725 (6)	878 (3)
Perak	126	189 (1)	5,690 (13)	2,666 (7)
Selangor	1,461 (3)	1,226 (3)	32,484 (83)	24,197 (33)
WP KL & Putrajaya	222	201 (1)	3,672 (18)	3,628 (6)
N Sembilan	78	33	985 (7)	2,134 (3)
Melaka	42	33	948 (3)	1,190 (4)
Johor	452	384 (1)	4,277 (10)	2,390 (14)
Pahang	67	47	1,248 (5)	566
Terengganu	13	7	514 (2)	373 (1)
Kelantan	62	33	789 (3)	2,381 (4)
Sarawak	27	24	1,199 (2)	631 (2)
Sabah	33	29	1,404 (4)	589 (1)
WP Labuan	0	0	2	11
JUMLAH	2,710 (4)	2,384 (6)	56,533 (162)	42,229 (82)

Nota: ( ) Kematian

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT *: 54*
RUANGAN : GENERAL NEWS

Panas hingga hujung September

Putrajaya: Cuaca panas dan kering yang melanda negara buat masa ini dijangka berterusan sehingga penghujung September depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura kelmarin, sebanyak 18 titik panas berjaya dikesan masing-masing tujuh di Sumatera, Indonesia, Kalimantan (11), Sabah (dua) dan Sarawak (empat).

Beliau berkata, semua titik panas yang dikesan dalam negara akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

"Keadaan panas dan kering berpotensi menyebabkan jerebu dalam negara sekiranya berlaku pembakaran terbuka yang berleluasa dan tidak terkawal termasuk jerebu merentas sempadan dari negara jiran.

PALANIVEL

"Bagi menangani cuaca panas dan kering, setiap agensi yang terbabit dalam pengurusan bencana jerebu perlu mempertingkatkan usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini semalam.

Katanya, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan pemilik tanah dinasihatkan memantau secara rapi kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 11 pagi semalam menunjukkan 15 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 31 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Menurutnya, status kualiti udara pada masa ini didapati sedikit merosot di beberapa kawasan seperti di Lembah Klang dan Nilai, Negeri Sembilan berikutan berlakunya kebakaran kecil di peringkat tempatan semasa cuaca panas dan kering.

"Bagaimanapun, kebakaran kecil ini sudah dapat dikawal oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dari merebak," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : GENERAL NEWS

162 kematian sehingga Jun 2015 berbanding 82 dalam tempoh sama 2014

Denggi jadi krisis negara

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN

PUTRAJAYA – Ancaman demam denggi di negara ini semakin menular apabila jumlah kematian dicatatkan sebanyak 162 orang bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lalu hanya 82 kematian.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (**gambar**) berkata, angka kematian disebabkan nyamuk Aedes itu meningkat dua kali ganda pada tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Menurut beliau, sebanyak 56,533 kes dicatatkan bagi tempoh tersebut berbanding 42,229 kes pada tahun lalu.

Daripada kes demam denggi, kira-kira 30 peratus mangsa demam denggi membabitkan pelajar sekolah.

"Pelajar sekolah berdepan risiko digigit nyamuk Aedes kerana waktu mereka menunggu bas dan berada di luar rumah sama dengan waktu serangga nyamuk Aedes yang mula aktif iaitu antara pukul 5 pagi hingga 7 pagi.

"Untuk tempoh seminggu bulan ini iaitu daripada 21 hingga 27 Jun, sebanyak 2,710 kes demam denggi dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 15.4 peratus berbanding 2,348 pada minggu sebelum itu," kata beliau dalam satu kenyataan di sini semalam.

Subramaniam memberitahu, peningkatan kes-kes demam denggi direkodkan berlaku di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Putrajaya, Pahang, Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

"Keadaan ini menunjukkan negara sedang diancam krisis denggi yang serius," kata beliau.

Jelasnya lagi, kementerian menjangkakan trend peningkatan kes denggi ini akan berterusan sehingga akhir bulan Ramadan dan pada musim perayaan ini berdasarkan kepada perubahan serotip denggi yang berlaku pada bulan April 2015 dan mengikut trend yang direkod pada tahun lepas.

INFO Jadual Denggi KKM

Negeri	Bilangan kes dan kematian dilaporkan		Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/15	Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/14
	Minggu 24 (14-20/6/15)	Minggu 23 (7-13/6/15)		
Perlis	7	6	123 (1)	82
Kedah	18	18 (1)	450 (4)	444 (4)
P. Pinang	117	127	2,621 (6)	835 (3)
Perak	189 (1)	168	5,564 (13)	2,554 (7)
Selangor	1,226 (3)	1,248 (5)	31,023 (80)	23,159 (31)
KL/Putrajaya	201 (1)	141	3,450 (18)	3,449 (6)
N. Sembilan	33	58	907 (7)	2,002 (3)
Melaka	33	40	906 (3)	1,141 (4)
Johor	384 (1)	246 (2)	3,825 (10)	2,280 (12)
Pahang	47	42	1,181 (5)	535
Terengganu	7	11	501 (2)	354 (1)
Kelantan	33	11	727 (3)	2,214 (4)
Sarawak	24	28	1,172 (2)	590 (2)
Sabah	29	18	1,371 (4)	558 (1)
Labuan	0	0	2	11
Malaysia	**2,348 (6)**	**2,162 (8)**	**53,823 (158)**	**40,208 (78)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : GENERAL NEWS

Ebola kembali menyerang di Liberia

MONROVIA - Liberia kelmarin mengumumkan virus Ebola kembali menyerang negara itu berikutan kematian seorang remaja lelaki 17 tahun.

Timbalan Menteri Kesihatan, Tolbert Nyensuah berkata, remaja tersebut disahkan positif Ebola dan meninggal dunia di Nedowian, sebuah kampung di tepi lapangan terbang antarabangsa terletak kira-kira sejam perjalanan dari ibu negara, Monrovia.

"Asal usul kes terbaharu ini sedang disiasat.

"Kami minta semua penduduk Liberia untuk terus mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan ia terus menular," katanya.

Liberia mengesahkan mangsa terakhir iaitu seorang wanita pada 20 Mac, dan negara diisytiharkan bebas Ebola enam minggu selepas pengebumian wanita berkenaan pada 28 Mac. - *AFP*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : GENERAL NEWS

Jus bantu badan langsing, bertenaga

Husna jual 60,000 botol GCMAX dalam tempoh setahun

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI
airunnisa.alaui@utusan.com.my

MASALAH kegemukan di kalangan masyarakat di negara ini amat membimbangkan apabila kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (IV) mendapati Malaysia mempunyai rakyat paling gemuk tertinggi di Asia Tenggara dan keenam di Asia Pasifik.

Justeru, tidak hairanlah pelbagai produk melangsingkan badan berada dalam pasaran ketika ini dengan menjadikan pelbagai sumber semula jadi termasuk tumbuh-tumbuhan dan herba-herba sama ada tempatan mahupun diimport sebagai bahan utama.

Produk-produk tersebut didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti pil, kapsul, krim sapuan dan serbuk, serta dijual sesetengahnya pada harga yang agak tinggi.

Pun begitu, bagi memberi pilihan kepada pengguna, syarikat G&H Wellness tampil dengan produk pertamanya iaitu GCMAX, merupakan makanan kesihatan berkonsepkan jus yang mampu membantu mengurangkan lemak dalam badan dalam tempoh segera.

Memahami kesibukan pengguna pada masa kini dengan tugas harian, pengasasnya, **Nurul Husna Hanafi**, 29, berkata, GCMAX dipasarkan dalam bentuk jus di dalam botol bagi memudahkan penggunanya menikmati minuman berkenaan pada bila-bila masa.

Jelas ibu kepada dua anak itu, GCMAX mampu membakar lemak dan kalori dengan pantas selain cepat mengembalikan tenaga yang hilang dalam badan akibat keletihan melakukan aktiviti seharian.

"Lazimnya produk melangsingkan badan didatangkan dalam bentuk kapsul atau pil, namun GCMAX dipasarkan dalam bentuk jus agar pengguna dapat menikmatinya dengan lebih mudah dan cepat tanpa perlu bancuh.

"Jus GCMAX menggabungkan beberapa bahan yang diketahui umum sangat berkesan untuk membakar lemak seperti *Garcinia Cambogia* dan *Acai Berry*.

"Dua bahan ini sangat berkesan untuk masalah lemak dan toksin dalam badan, jadi kami gabungkan bahan ini dalam GCMAX dan menghasilkan satu jus yang sangat enak diminum, serta kesannya mampu dilihat dalam hanya dua botol yang diminum," katanya.

Antara kandungan lain dalam jus GCMAX adalah *guarana, flaxseed, green tea, goji berry, white kidney beans* dan *gymnema*.

Selain GCMAX, syarikat tersebut turut memperkenalkan GC Night Res-q yang mampu menghapuskan lemak degil, sekali gus dapat membuang toksin dalam badan serta melawaskan pembuangan harian.

Menurut Husna, hanya dengan mengamalkan minuman jus GCMAX dua sudu sehari dapat membekalkan tenaga tambahan kepada badan, selain menaikkan metabolisme dengan selamat serta membaiki sistem pencernaan.

"Bagi mereka yang ingin mendapat kesan yang lebih cepat, saya sarankan minum empat sudu sehari dan lazimnya kesan dapat dilihat dalam tempoh 10 hari. Ada pengguna GCMAX yang turun lebih 10 kilogram daripada berat biasa.

"Tiada kesan sampingan dan untuk permulaan pengguna akan berpeluh dan kerap membuang air tetapi itu adalah tindak balas biasa dan tidak bahaya.

"Produk ini juga sesuai untuk semua peringkat usia, cuma untuk golongan ibu yang masih menyusu digalakkan mengambilnya selepas bayi berusia enam bulan," jelasnya yang menjalinkan kerjasama pemasaran kendalian Jutawan Produk (*www.jutawanproduk.com.oem*).

Produk GCMAX telah dipasarkan sejak Jun tahun lalu dan telah terjual sebanyak 60,000 unit dalam tempoh setahun malah mendapat permintaan dari Jepun, Indonesia, Singapura dan Brunei

GCMAX yang telah mendapat kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia, dijual pada harga RM60 sebotol di semenanjung dan RM65 di Sabah dan Sarawak.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan produk tersebut boleh mengunjungi ibu pejabat G&H Wellness di Selangor (010-2214 460), stokis Pantai Timur(014-8127 437) dan stokis Kuala Lumpur(017-5656 513) atau membuat tempahan melalui *www.gcmax.com.my*.

NURUL HUSNA HANAFI menunjukkan dua produk keluaran syarikatnya, GC Night Res-q dan GCMAX.

Gambar FARIZWAN HASBULLAH

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : GENERAL NEWS

Jangkitan denggi memasuki tahap krisis

PUTRAJAYA 1 Julai - Jangkitan demam denggi di negara ini sekali lagi memasuki tahap krisis apabila mencatatkan 2,710 kes dengan empat kematian dilaporkan dalam tempoh seminggu iaitu dari 21 hingga 27 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, keadaan itu menyebabkan jumlah kes terkumpul sejak awal tahun ini melonjak kepada 56,533 kes iaitu peningkatan sebanyak 33.9 peratus berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya.

Subramaniam berkata, kematian akibat demam denggi pula melonjak sebanyak 97.6 peratus daripada 82 kes pada 2014 kepada 162 kematian (2015).

Beliau berkata, pelajar merupakan antara golongan yang sering menjadi mangsa denggi kerana mereka perlu keluar rumah pada awal pagi, iaitu semasa nyamuk aedes paling aktif.

"Setakat ini, kurang daripada 30 peratus mangsa demam denggi merupakan pelajar. Langkah-langkah pencegahan perlu diambil oleh pelajar semasa mereka menghadiri kelas pada awal pagi.

"Mereka dinasihatkan supaya memakai baju lengan panjang serta menggunakan ubat pencegah nyamuk yang bersesuaian," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Selangor mencatat kes jangkitan denggi tertinggi iaitu sebanyak 32,484 kes dengan 83 kematian sejak Januari tahun ini diikuti Perak (5,690 kes dengan 13 kematian), Johor (4,277 kes dengan 10 kematian) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (3,672 kes dengan 18 kematian).

Subramaniam pada masa yang sama meminta Kementerian Pendidikan memastikan semua institusi pendidikan termasuk sekolah bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

"Tindakan pencegahan perlu dilaksanakan seperti melalui penggunaan serbuk Abate di tempat takungan air serta melakukan semburan ruang termal selepas cuti persekolahan," katanya.

S. SUBRAMANIAM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : GENERAL NEWS

Siap-siaga kekang MERS-CoV

ZULKIFLI JALIL
